



KP(BS) 8591/Jld.XVIII (9)

4 Disember 2003

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 9/2003 :
PELAKSANAAN SISTEM LAPORAN ADAB BELAJAR (LAB)
MURID-MURID SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH

Matlamat pendidikan kebangsaan adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Adalah menjadi amalan bahawa setiap guru menilai murid-muridnya berdasarkan kepada pencapaian akademik (kognitif) dan kurang menilai mereka dari segi tingkah laku atau adabnya terutamanya oleh guru-guru mata pelajaran. Kementerian Pendidikan berpendapat sudah tiba masanya, disamping seseorang murid itu dinilai dari segi pencapaian akademiknya, mereka juga perlu dinilai dari aspek emosi dan tingkah lakunya agar matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek boleh direalisasikan.

2. Sehubungan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memutuskan supaya **SISTEM LAPORAN ADAB BELAJAR MURID-MURID SEKOLAH** dilaksanakan di sekolah-sekolah seluruh negara **mulai Januari 2004**. Sistem ini akan dapat membantu semua pihak termasuk ibu bapa melihat dengan lebih jelas Peringkat Formatif (formative) dan Peringkat Perkembangan (developmental) murid dalam semua bidang. Di samping itu kelemahan murid dalam sesuatu kemahiran tertentu akan dapat dikesan dengan lebih cepat bagi membolehkan guru memberi tumpuan ke arah memperbaiki kelemahan tersebut di samping dapat memaklumkan kekuatan dan kelemahan murid kepada ibu bapa secara lebih bermakna. Sila rujuk kepada Lampiran A bagi panduan am pelaksanaan **SISTEM LAPORAN ADAB BELAJAR MURID-MURID SEKOLAH**.

3. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah, Pengetua dan Guru Besar sekolah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Penasihat Undang-Undang, Kementerian Pendidikan Malaysia
 11. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia

**PANDUAN PELAKSANAAN
SISTEM LAPORAN ADAB BELAJAR (LAB) MURID-MURID SEKOLAH**

TUJUAN

1. **LAPORAN ADAB BELAJAR (LAB) MURID-MURID** adalah bertujuan untuk melaporkan dengan lebih komprehensif berdasarkan penilaian menyeluruh setiap murid oleh Guru Kelas dan serta guru setiap mata pelajaran.
2. Memaklumkan kepada ibu bapa tentang potensi, kekuatan atau kelemahan murid untuk diambil tindakan sewajarnya sekurang-kurangnya DUA kali setahun.
3. Mewujudkan ruang interaktif antara ibu bapa dengan Guru Kelas dan guru setiap mata pelajaran.

KAEDAH

1. Laporan hendaklah dibuat oleh Guru Kelas dan oleh setiap guru mata pelajaran.
2. Laporan ini meliputi antaranya :
 - 2.1 Profil murid berkenaan, kedatangan dan pencapaian Akademik oleh Guru Kelas;
 - 2.2 Laporan prestasi setiap mata pelajaran oleh guru mata pelajaran;
 - 2.3 Laporan kegiatan dan pencapaian Kokurikulum; dan
 - 2.4 Maklumat mengenai **Kerja Kelas, Kerja Rumah, Kelakuan** dan **Sikap**.

Kerja Kelas

Kualiti kerja dan penglibatan dalam aktiviti atau proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas atau di sekolah.

Kerja Rumah

Menyiapkan kerja rumah mengikut tahap atau kualiti dan jangkamasa yang telah ditentukan.

Kelakuan

Tingkah laku seseorang murid itu dalam semua situasi sama ada di dalam kelas mahu pun di luar kelas.

Sikap

Kemauhan untuk belajar dan berjaya dalam semua bidang yang diceburi sama ada akademik, kokurikulum dan lain-lain.

3. Setiap guru mata pelajaran bolehlah mencatatkan adab belajar murid di dalam Buku Rekod Mengajar untuk digunakan sebagai rujukan semasa membuat Laporan Adab Belajar.